


PENDAFTARAN WAKAF ASNB

Amalan wakaf adalah ibadah yang menjanjikan ganjaran pahala berkekalan dan mengalir terus kepada pewakaf buat selama-lamanya. Ianya tidak mengurangkan harta, malah memperkayakan hati dan membersihkan jiwa.

Inilah perniagaan terbaik kita dalam mendekatkan diri kepada Allah SWT. Harta yang kita kumpulkan di dunia akan kekal mengalirkan pahala berlipat ganda untuk manfaat seluruh ummah.

“Tingkatkan kehidupan buat insan yang memerlukan”
“Ringankan beban kewangan mereka yang tidak mampu”



MAKLUMAT PEWAKAF

Nama																																								
Nombor MyKad											Nombor Telefon Bimbit																													
E-Mel																																								

UNIT AMANAH UNTUK DIWAKAFKAN

Bil	Tabung Unit Amanah	Amaun Wakaf	Bil	Tabung Unit Amanah	Amaun Wakaf
1			6		
2			7		
3			8		
4			9		
5			10		

LAFAZ WAKAF ASNB

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Saya dengan suci hati, waras dan tanpa paksaan dengan ini mewakafkan unit Amanah ASNB saya seperti di atas untuk saya sendiri / _____ (pihak ketiga) kerana Allah Taala dan saya mewakili ASNB Wakalah Sdn Bhd untuk menguruskan unit wakaf tersebut demi kebajikan dan kepentingan ummah.


MAKLUMAT PENERIMA NOTIS/WAKIL/WARIS*

Nama																																								
Nombor MyKad											Nombor Telefon Bimbit																													
E-Mel																																								

*Pelabur mempunyai pilihan untuk menamakan seorang penerima notis/wakil/waris sebagai penerima makluman berkaitan sumbangan wakaf selepas pewakaf meninggal dunia.

- Borang ini adalah untuk kegunaan dalaman sahaja -

Wakaf ASNB menggabungkan konsep pelaburan dan wakaf bagi memastikan sumbangan anda kekal berterusan. Harta anda akan sentiasa dikekalkan untuk pelaburan dan pulangan hasil daripada pelaburan tersebut akan diwakafkan.



Projek wakaf akan menerima sumbangan hasil daripada pulangan pelaburan unit amanah yang diwakafkan. Unit amanah tersebut akan dikekalkan untuk menjana pulangan pelaburan secara berterusan untuk tahun-tahun berikutnya.

TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN WAKAF ASNB

1	Pewakaf mestilah pemegang unit ASNB berumur 18 tahun dan ke atas, seorang yang waras dan tidak bankrap.
2	Syarat bagi tabung unit amanah yang ingin diwakafkan: - Unit amanah harga tetap ASNB - Hanya unit milik penuh/mutlak sahaja dibenarkan. Unit yang bercagar (pembiayaan) dan yang diblok untuk Hibah Amanah /Pengisytiharan Amanah tidak dibenarkan. - Had minimum unit yang boleh diwakafkan bagi setiap transaksi wakaf: RM1,000 - Selepas ditolak dari unit yang diwakafkan, baki minimum pelaburan (seperti yang terkandung dalam prospektus) perlu dikekalkan.
3	Wakaf ASNB adalah berkonsepkan wakaf muabbad iaitu bersifat kekal di mana unit-unit yang telah berjaya diwakafkan tidak boleh dipulangkan semula, dibatalkan dan dibuat pindaan. Unit-unit yang diwakafkan akan dipindah milik ke akaun MAIWP secara serta-merta. Pewakaf tidak boleh menuntut/menggunakan unit-unit yang telah diwakafkan kerana tidak lagi menjadi milik pewakaf.
4	Yuran perkhidmatan Wakaf ASNB hanya akan dikenakan ke atas hasil pengagihan pendapatan unit-unit yang diwakafkan sebelum diagihkan kepada projek-projek wakaf yang diluluskan. Yuran tersebut merangkumi kos pentadbiran, perkhidmatan dan mutawalli (MAIWP).
5	Unit yang diwakafkan daripada Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) adalah termasuk dalam jumlah had maksimum pelaburan individu bagi kedua-dua dana tersebut.
6	Pewakaf dibenarkan melantik seorang penerima notis bagi tujuan komunikasi berkenaan projek-projek wakaf yang telah dibangunkan menerusi dana wakaf yang dikumpul, selepas pewakaf meninggal dunia. Pewakaf bertanggungjawab mengemas kini maklumat penerima notis sekiranya perlu.
7	Pewakaf bersetuju melantik MAIWP sebagai pemegang amanah ke atas unit-unit amanah ASNB yang diwakafkan.
8	Pewakaf bersetuju melantik ASNB Wakalah Sdn Bhd untuk melaksanakan pembahagian dana manfaat wakaf mengikut kaedah pembahagian dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengagihan Bersama ASNB-MAIWP. Pewakaf juga bersetuju dengan pemilihan sektor-sektor yang dikenalpasti untuk menerima dana manfaat wakaf daripada perkhidmatan Wakaf ASNB termasuklah pembangunan kesihatan, pendidikan, pemerkasaan komuniti, misi kemanusiaan dan juga lain-lain tujuan yang diputuskan oleh Jawatankuasa Pengagihan Bersama ASNB-MAIWP yang tertakluk kepada garis panduan yang ditetapkan.
9	Sekiranya berlaku sebarang kejadian yang menghalang pihak ASNB Wakalah Sdn Bhd untuk menjalankan tugas-tugas seperti yang tertera di atas, kesemua dana wakaf terkumpul akan disalurkan ke projek-projek wakaf selaras dengan objektif Wakaf ASNB.